

¹Persepsi Gangguan Seksual Di Institusi Pendidikan: Kejadian Dan Strategi Penyelesaian

oleh

Hjh. Sabitha Marican
Rusimah Sayuti
Universiti Utara Malaysia

Pengenalan

Pusat pengajian tinggi, merupakan model di mana pendidikan, produktiviti, merit, dan kesaksamaan berada pada tahap maksimum bagi semua yang terlibat dalam suasana tersebut baik bagi penuntut, fakulti mahupun pentadbir. Namun gangguan seksual boleh menggugat pencapaian matlamat tersebut. Hakikatnya, isu gangguan seksual di pusat pengajian tinggi di negara kita telahpun dikesan pada akhir tahun 1980-an (Badriyah, 1988).

Makna Gangguan Seksual

Gangguan seksual boleh dibahagikan kepada bentuk ancaman dan persekitaran tidak selesa. Dalam konteks akademik sesuatu tingkah laku akan ditakrif sebagai ancaman atau '*quid pro quo*' apabila ianya tidak diingini, berunsur seksual, dan dijadikan sebagai syarat untuk membuat keputusan ke atas status pengajian penuntut tersebut. Manakala persekitaran tidak selesa dalam konteks akademik membawa maksud tingkah laku dalam kuliah atau di kaki-kaki lima bilik kuliah ataupun di asrama yang mengganggu gugat keupayaan penuntut itu untuk belajar.

Kejadian gangguan seksual

Berdasarkan tinjauan di sekitar Kuala Lumpur yang meliputi Sekolah Menengah Maxwell, Sekolah Menengah Setapak dan Sekolah Menengah Victoria, didapati masalah itu memang wujud. Beberapa guru yang ditemui dalam tinjauan itu mengakui perkara tidak senonoh itu bukanlah baru dalam alam persekolahan (Zalina, 1995). Malahan pernah juga dilaporkan mengenai seorang guru agama yang mencubit kemaluan penuntutnya (Rohana, 1996). Kajian oleh Badriyah pula menunjukkan 80% daripada responden yang ditemuduga di pengajian tinggi pernah mengalami gangguan seksual (Badriyah, 1988). Sementara itu gangguan seksual di kalangan penuntut boleh berlaku di mana sahaja iaitu di kaki-kaki lima, kafeteria, semasa aktiviti sukan atau ko-kurikulum, semasa riadah, di asrama, semasa lawatan di luar kampus, di bilik air, di tempat letak kereta dan sepeertinya.

¹Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan Guru : Pembangunan Perguruan kearah Pendidikan Berkualiti. Anjuran Maktab Perguruan Batu Lintang, Kucing Sarawak, 19-20 Ogos, 2003

Kesan gangguan seksual

Kajian Koss (1990) mendapati ahli fakulti mempunyai kuasa ke atas penuntut. Sebagai contoh pensyarah boleh memberi gred, menulis surat sokongan untuk melanjutkan pelajaran atau pekerjaan, penganugerahan, atau apa sahaja yang boleh menghalang pengijazahan mereka. Kesemua keputusan ini adalah bergantung pada sikap pendidik terhadap pelajar. Malah pelajar juga amat bergantung pada gred kerana perlukan bantuan kewangan untuk meneruskan pengajian mereka serta untuk membayar semula pinjaman tersebut.

Menurut Koss (1990), penuntut yang mengalami gangguan seksual seringkali merasa diri mereka sebagai mangsa dan akan menukar corak hidup mereka untuk melarikan diri dari keadaan tersebut walaupun tindakan mereka itu merosakkan peluang mereka untuk belajar. Penuntut juga akan menanggung stres yang tinggi, termasuk perasaan takut, marah, murung, malu, mudah tersinggung dan kurang motivasi untuk belajar (Koss dan rakan-rakan, 1994). Maka secara langsung prestasi pelajar dalam kerja kursusnya juga akan turut terganggu, dan ramai juga akan menggugurkan diri dari kursus atau program itu, yang mana akhirnya ia akan memberi kesan ke atas prestasi pelajar dan sekaligus imej institusi pengajian tersebut.

Masalah kurang kesedaran

Pada hakikatnya, ramai yang masih kurang faham mengenai gangguan seksual. Fitzgerald dan rakan-rakan (1988) mendapati ahli fakulti lelaki tidak melabel tingkah laku mereka yang menepati definisi gangguan seksual sebagai gangguan seksual. Pengkaji Kenig dan Ryan (1986) pula mendapati ahli fakulti lelaki kurang cenderung dari ahli fakulti wanita dalam mendefinisi tingkah laku unsur gurauan, komen-komen, pandangan, bahasa dan isyarat yang berunsur seksual sebagai gangguan seksual.

Kajian lain pula mendapati (Fitzgerald & Ormerod, 1991;1993) bahawa penuntut wanita lebih cenderung mempersepsi sesuatu situasi sebagai gangguan seksual jika dibandingkan dengan penuntut lelaki. Malahan ada juga kajian (Fitzgerald, Weitzman, Gold & Ormerod, 1988) menunjukkan tidak ramai wanita yang secara jelasnya mengalami gangguan seksual melabelnya sebagai gangguan seksual. Antara tingkah laku yang dimaksudkan ialah memegang, undangan seksual dan sebagainya. Saal, Johnson, dan Weber (1989) mengutarakan bahawa lelaki sering mempersepsi tingkah laku wanita sebagai unsur seksual walaupun pada hakikatnya ia tidaklah sedemikian. Perbezaan persepsi antara lelaki dan wanita terhadap persepsi gangguan seksual mungkin disebabkan lelaki menyalah tafsir keramahan wanita sebagai undangan seksual dan langsung melabel tingkah laku mereka sedemikian.

Objektif Kajian

Kajian telah dilakukan disalah sebuah pengajian tinggi. Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau profail mangsa dan penganggu seksual dalam konteks pengajian tinggi. Kedua ialah melihat cara mereka bertindak jika diganggu secara seksual dan untuk meninjau profail penganggu dan penuntut yang menjadi mangsa. Ketiga ialah meninjau pandangan

terhadap sistem aduan atau peraturan yang ada dalam mengatasi gangguan seksual di pengajian tinggi. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kita terhadap kejadian dan mencari jalan penyelesaian untuk mewujudkan satu pusat pengajian yang merupakan gedung ilmu untuk pemantapan ilmu dan sikap.

Metod kajian

Kajian di institusi pengajian tinggi ini melibatkan penuntut tahun akhir yang telah diperkenalkan kepada topik gangguan seksual sebagai sebahagian dari topik dalam kursus yang mereka ikuti. Seramai 108 pelajar, iaitu seramai 49 lelaki dan 59 wanita dalam tahun akhir telah diambil secara persampelan mudah untuk melihat persepsi dan kejadian gangguan seksual di kalangan penuntut yang mempunyai pengetahuan mengenai topik gangguan seksual. Penuntut mengisikan soalselidik USHPQ (*Utara Sexual Harassment Perception Questionnaire*) yang mengandungi 40 item yang mengukur persepsi gangguan seksual (Sabitha, 1999).

Profail mangsa gangguan seksual

Dari 108 orang penuntut yang dikaji, seramai 87 orang iaitu hampir 80% dari responden pernah mengalami gangguan seksual. Pelajar yang menjadi mangsa terdiri dari 42 penuntut lelaki (48.2%) dan 45 penuntut wanita (51.7%) yang melibatkan semua bangsa iaitu Melayu (87.5%), 77.7% (Cina), India (45.6%) dan lain-lain bangsa (83.3%). Kebanyakan pelajar yang menjadi mangsa pula adalah sekitar umur 22 hingga 29 tahun (98.9%) dan belum berkahwin (92.9%). Dapatan kajian menunjukkan bahawa gangguan seksual berlaku tanpa mengira umur atau taraf perkahwinan.

Persepsi terhadap gangguan seksual

Kajian ini mendapati walaupun 80% pernah mengalami salah satu dari tingkah laku di USHPQ, namun 26.4% mangsa (yang pernah mengalami salah satu daripada tingkah laku yang dipersepsi sebagai gangguan seksual) berpendapat tidak mengalami gangguan seksual dan 39.1% lagi tidak pasti mengenainya. Analisis ini menunjukkan bahawa ramai yang masih kabur mengenai gangguan seksual dalam konteks akademik.

Peraturan mengenai gangguan seksual

Dapatan kajian menunjukkan tidak ramai pelajar yang diganggu mempercayai bahawa institusi akan mengambil tindakan sekiranya mereka membuat aduan (36.8%). Mereka juga tidak yakin akan selamat dari kesan buruk jika membuat aduan mengenainya (27.6%). Walaupun 96.6% mangsa bersetuju untuk mengadakan panduan anti-gangguan seksual namun 3.4% mangsa masih tidak bersetuju mengenainya. Sungguhpun jumlah yang tidak setuju untuk mengujudkan panduan anti-gangguan seksual adalah kecil, tetapi dapatan ini penting. Hal ini disebabkan mereka yang pernah mengalami gangguan seksual namun mereka tidak melihat panduan anti-gangguan seksual itu penting untuk diri mereka. Selain dari itu, ia merupakan satu tanda tanya mengapa mereka yang pernah mengalami gangguan seksual tidak merasakan diri mereka sebagai mangsa gangguan seksual. Ada pengkaji membahaskan hal ini berlaku disebabkan mangsa yang sudah biasa dengan persekitaran unsur seksual akan kurang cenderung mempersepsi sesuatu

tingkah laku unsur gangguan seksual sebagai gangguan seksual. Malahan ramai (60.1%) penuntut yang setuju bahawa organisasi tidak mempunyai prosedur aduan dalam organisasi tersebut. Jika diteliti, kita dapat membuat kesimpulan bahawa walaupun kejadiannya agak tinggi namun terdapat kekurangan dari segi panduan atau prosedur anti-gangguan seksual dalam pusat pengajian ini.

Tindakan terhadap gangguan seksual

Kebanyakan pelajar yang diganggu mengatasi gangguan tersebut dengan bersemuka cara baik dengan penganggu tersebut (77%) ataupun memberi amaran keras pada mereka (67.8%). Manakala separuh dari mangsa membuat aduan pada pihak pengurusan (56.3%). Ini menunjukkan bahawa penuntut lebih cenderung berhadapan dengan masalah tersebut dari mendiamkannya. Namun ada penuntut bertindak dengan cara buat tidak tahu (39.1%) atau membuat aduan pada pihak luar (23%). Pendek kata responden menggunakan pelbagai strategi dalam mengatasi masalah gangguan seksual. Walaupun demikian, lazimnya penuntut lebih gemar untuk berhadapan dengan masalah tersebut dari mendiamkan diri. Oleh itu jika organisasi gagal mengambil tindakan yang setimpal ia akan membuat penuntut mendiamkan hal tersebut pada masa akan datang dan memburukkan lagi keadaan (O'Donohue, 1997).

Siapa pengganggunya

Pelajar dalam kajian ini didapati pernah mengalami gangguan seksual dari pelbagai individu iaitu dari pelajar, pensyarah, kerani, pengawal keselamatan dan orang luar kampus. Secara umumnya mereka paling banyak sekali mengalami gangguan dari orang luar ataupun sesama penuntut. Penuntut yang menganggu ialah penuntut dari program lain (62.5%), dari program yang sama (45.8%) ataupun dari kuliah yang sama (20.8%). Ada juga mengalami gangguan dari pensyarah sama ada dari program yang sama (50%) ataupun pensyarah dari sekolah lain (12.5%). Majoriti dari penganggu itu adalah sekitar umur 20'an.

Cadangan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa gangguan seksual boleh berlaku di institusi pengajian tinggi di negara kita sepertimana juga yang berlaku di negara-negara Barat (Mazer & Perceival, 1989). Selain itu masalah gangguan seksual akan menjejaskan masa depan penuntut dan imej pendidik pada jangka waktu panjang. Oleh yang demikian, untuk mengatasi gangguan seksual, pusat pengajian tinggi harus mengadakan kempen kesedaran terhadap gangguan seksual melalui seminar, pameran, edaran, forum dan sebagainya.

Selain dari itu pendidikan tinggi juga harus mengadakan khidmat kaunseling sebagai saluran untuk penuntut yang menjadi mangsa gangguan seksual. Antara strateginya ialah dengan melaksanakan program-program kaunseling di kolej atau pusat-pusat pengajian tinggi dan menyediakan perkhidmatan pelajar yang mempunyai kaunselor yang profesional berkhidmat kepada pelajar-pelajar yang setaraf dengan kolej tetapi di luar bilik kelas mereka. Perkhidmatan kaunseling yang diberikan harus dapat membantu pelajar memahami isu gangguan seksual dan bagaimana untuk mengendalikan permasalahan gangguan seksual yang berlaku ke atas diri mereka serta pengetahuan untuk melindungi diri daripada menjadi mangsa gangguan seksual.

Bantuan berbentuk kaunseling individu ini boleh diberikan kepada mangsa dan juga pelaku gangguan seksual samada yang datang secara sukarela ataupun dirujuk. Kaunseling secara individu dalam isu gangguan seksual bertujuan untuk mengubah tingkah laku mangsa dan pelaku gangguan seksual. Mangsa dan pelaku gangguan seksual biasanya akan berhadapan dengan satu keadaan dimana mereka kehilangan maruah diri, kehilangan keyakinan diri, merasa ketakutan yang tidak terkawal, kemurungan, kebimbangan dan lebih teruk lagi menjadi seorang yang suka menyendiri atau mengasingkan dirinya. Mangsa perlulah dibantu untuk mengembalikan keyakinan dirinya untuk berhadapan dengan khalayak ramai dan juga pelakunya. Manakala pelakunya dibantu untuk mengubah tingkah laku yang menjadi tabiat agar selaras dengan norma dan kehendak masyarakat.

Satu cara lagi ialah kaunseling dalam bentuk bengkel dan seminar mengenai gangguan seksual. Motif utama mengadakan perhimpunan dalam bentuk bengkel dan seminar adalah bertujuan untuk membincangkan sesuatu isu dan bersama-sama mencari jalan penyelesaian bagi menghasilkan satu memorandum yang boleh berguna untuk semua manusia. Umumnya menurut Stone dan Archer (1990) juga mencadangkan bahawa pusat-pusat kaunseling di pusat pengajian tinggi perlulah menfokuskan kepada program-program "outreach" untuk meningkatkan perkembangan peribadi dan psikologi pelajar dan memberi penekanan kepada kaunseling "*time-limited*".

Langkah yang seterusnya ialah mengikut Paludi (1993) pendidikan dan latihan harus diikuti dengan mengadakan pernyataan dan sistem aduan yang berkesan. Ini kerana kajian penulis menunjukkan 76% penuntut didapati tidak pasti atau tidak tahu sama ada prosedur aduan di tempat pengajian mereka, walaupun hampir 80% daripada penuntut mengalami gangguan seksual. Dapatan yang sedemikian membimbangkan kerana kajian yang lepas menunjukkan bahawa norma organisasi yang membiarkan tingkah laku yang sedemikian akan merangsang kejadian gangguan seksual (Pryor et al. 1993). Memandangkan suasana profesional boleh bertindak sebagai penghalang pada gangguan seksual, maka dicadangkan untuk mengadakan akta yang akan merangkumi semua gangguan seksual yang berlaku di kalangan staf, pensyarah dan juga sesama penuntut. Malahan kajian mereka mendapati wanita yang bekerja dalam suasana yang sedemikian kurang cenderung untuk mempersepsi ataupun menghadapi masalah gangguan seksual (O'Donohue, 1997).

Secara kesimpulan untuk mengendalikan gangguan seksual secara efektif di pusat pengajian tinggi haruslah ada pernyataan polisi terhadap gangguan seksual yang tegas, sistem laporan yang jelas dan program latihan dan pendidikan mengenai gangguan seksual dan perkhidmatan kaunseling untuk semua pekerja dan pelajar yang ada dalam institusi pengajian tersebut.

Kesimpulan

Dalam sistem pengajian tinggi, penuntut hadir untuk menimba ilmu dan ahli fakulti pula bertanggungjawab untuk mengajar sebaik mungkin. Di sinilah berkumpulnya tenaga akademik dan pelajar yang sama-sama berperanan dalam membangunkan ilmu mental yang perlu untuk membina infrastruktur negara dan mendapatkan ilmu rohani dalam

memupuk negara yang bermoral dan berhemah tinggi. Dengan itu gangguan seksual haruslah diberikan perhatian yang serius agar penuntut berada dalam suasana pembelajaran yang hormat menghormati dan merangsang prestasi serta mampu membangunkan intelek penuntut. Dengan cara ini pusat pengajian tinggi bukan sahaja dapat menghasilkan penuntut yang terdidik yang kaya dari segi intelek tetapi juga dari segi tingkah laku, berhemah dan bermoral.

Rujukan

- Badriyah Salleh (1988). Kajian Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang 1986-1988: **Kejadian gangguan seksual di dalam kampus USM**. Anjuran Persatuan Kakitangan Islam, Universiti Sains Malaysia dan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia.
- Fitzgerald, L. F. & Ormerod, A. J. (1993). Breaking the silence: The sexual harassment of women in academia and the workplace. Dlm. F. Denmark dan M. Paludi (Pnyt.), **Psychology of Women: A handbook of issues and theories** (ms. 553-581). New York: Greenwood Press.
- Fitzgerald, L. F. & Ormerod, A. J. (1991). Perceptions of sexual harassment: The influence of gender and academic context. **Psychology of Women Quarterly**, 15, 281-294.
- Fitzgerald, L. F., Weitzman, L. M, Gold, Y. & Ormerod, M. (1988). Academic harassment: sex and denial in scholarly garb. **Psychology of Women Quarterly**, 12, 329-340.
- Koss, M. P. (1990). Changed lives: The psychological impact of sexual harassment. **Personnel Psychology**. 14, 45-51.
- Mazer, D. B. & Perceival, E. F. (1989). Ideology or experience? The relationship among perceptions, attitudes, and experiences of sexual harassment in university students. **Sex Roles**, 20, 135-147.
- O'Donohue, W. T. (1997). **Sexual Harassment. Theory, Research and Treatment**. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Paludi, M. A. (Pnyt.) (1990). **Ivory power: Sexual harassment on campus**. Albany, NY: SUNY
- Pryor, J. B. & LaVite, C. M. (1993). A social psychological analysis of sexual harassment: The person/situation. **Journal of Vocational Behavior**, 42, 68-83.
- Rohana Ariffin (1996). Gangguan Seksual di Tempat Kerja dan Penyediaan Kepada Latihan Sumber Manusia. **Seminar Kebangsaan Persatuan Psikologi Malaysia**, 27-29 Mei.
- Saal, F. E., Johnson, W. & Weber, N. (1989). Friendly or Sexy? It may depend on whom you ask. **Psychology of Women Quarterly** 13, 263-276.

Sabitha, M. (1999). Perception and Prevalence of Sexual Harassment among Malaysian Public Administrators. **Third conference of the Asian Association of Social Psychology**, Ogos, Taipei.

Stone, G. L., & Archer, J., Jr. (1990). College and university counseling centers in the 1990s: Challenges and limits. **The Counseling Psychologist**, 18, 539-607.

Zalina Yahaya (1995, April, 4). Gangguan seksual di sekolah. **Berita Harian**, m.s. 19.